

Pelaksanaan PdP Berdasarkan Pendekatan OBE dalam Program Diploma Teknologi Automotif di Kolej Vokasional: Satu Penilaian

Mohammad Hazrul Bin Md Jori¹

¹Kolej Vokasional Taiping, Kamunting, Taiping, 34600, Malaysia

Email: hazruljori@gmail.com

Received September 2020;

Accepted June 2021

Available online January 2022

Abstrak: Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pendekatan *Outcome-Based Education* (OBE) dalam program Diploma Teknologi Automotif (DTA) di Kolej Vokasional dengan menggunakan dimensi proses dalam model penilaian CIPP. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk penilaian program deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Seramai 52 orang pensyarah dari program DTA di Kolej Vokasional Zon Perak terlibat dengan kajian ini. Dapatan kajian deskriptif menunjukkan tahap pelaksanaan perancangan, penyampaian dan pentaksiran pengajaran pensyarah DTA berdasarkan pendekatan OBE adalah berada pada tahap sederhana rendah. Manakala hasil dapatan temubual memperlihatkan empat (4) kekangan yang dihadapi oleh pensyarah DTA iaitu kekangan kurikulum, pelajar, WIM dan pentaksiran. Sebagai kesimpulan, cadangan penambahbaikan pelaksanaan PdP berasaskan OBE dapat memberi idea kepada pembuat keputusan yang terdiri daripada pihak BPTV, penggubal kurikulum (KSKV) dan pihak pentadbir KV untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan kualiti dan mutu program DTA.

Kata Kunci: Pendidikan Berasaskan Hasil (PBH), Diploma Teknologi Automotif, Kolej Vokasional, Model Penilaian CIPP

Abstract: The purpose of this study is to evaluate the implementation of teaching and learning based on *Outcome-Based Education* (OBE) approach for Diploma in Automotive Technology (DTA) program in Vocational Colleges by using process dimension in CIPP model. The research is employing quantitative and qualitative approaches. A total of 52 lecturers from the DTA program at the Perak Zone Vocational College were involved in this study. The findings of the descriptive study show that the level of implementation of planning, delivery and assessment of teaching of DTA lecturers based on the OBE approach is at a moderately low level. While the results of the interviews showed four (4) constraints faced by DTA lecturers, namely the constraints of curriculum, students, WIM and assessment. In conclusion, the proposal to improve the implementation of OBE-based PdP can provide ideas to decision makers consisting of BPTV, curriculum developers (KSKV) and KV administrators to improve and strengthen the quality and quality of DTA programs.

Keywords: Outcome Based Education (OBE), Diploma in Automotive Technology, Vocational College, CIPP Evaluation Model

1. Pengenalan

Pendidikan abad ke 21 memberi penekanan yang signifikan terhadap keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) masa kini. Penekanan terhadap memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) seperti yang diberi penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025 merupakan lonjakan terhadap keperluan penyediaan tenaga kerja yang kompeten bagi menjadi negara maju. Justeru itu, dalam mencapai matlamat tersebut, Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (BPTV), KPM

telah melakukan perubahan besar dalam sistem pendidikan di Kolej Vokasional (KV) melalui pelaksanaan kurikulum baru yang menggunakan pendekatan *Outcome-Based Education* (OBE).

Pendidikan Berasaskan Hasil (PBH) atau lebih dikenali sebagai OBE merupakan sistem pembelajaran baharu yang telah diperkenalkan bagi menambah baik sistem pembelajaran tradisional sebelumnya. Berbanding dengan sistem pembelajaran tradisional yang hanya menjalankan penilaian bersifat kuantitatif, OBE menambah baik sistem sedia ada dengan menambah elemen penilaian yang bersifat kualitatif.

*Corresponding author: hazruljori@gmail.com

Untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pendekatan OBE ini dapat menepati Hasil Pembelajaran (Learning Outcomes - LO) serta mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan, maka proses Penambahbaikan Kualiti Berterusan (Continual Quality Improvement - CQI) perlu dijalankan. Proses CQI adalah bersifat kitaran (cyclical) dan melibatkan dua aktiviti penilaian iaitu pemantauan pelaksanaan program (program monitoring) dan semakan kurikulum program (curriculum review) yang perlu dilaksanakan secara sistematik.

Justeru itu, penilaian berdasarkan aktiviti pemantauan pelaksanaan program terhadap pelaksanaan OBE dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi fokus dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, program Diploma Teknologi Automotif (DTA) dipilih untuk dinilai dalam kajian ini kerana program DTA merupakan antara program projek rintis yang pertama melaksanakan pendekatan OBE dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula tahun 2014.

1.1 Program Diploma Teknologi Automotif (DTA)

Program DTA merupakan salah sebuah program projek rintis yang ditawarkan di Kolej Vokasional (KV) pada tahun 2014 dan juga merupakan inovasi program pendidikan daripada Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV)-Automotif yang sebelum ini ditawarkan di Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di peringkat SPM secara modular. Tempoh pengajian program DTA adalah selama dua tahun enam bulan (lima semester pengajian dan satu semester latihan industri (OJT)). Setiap semester pelajar perlu mengikuti empat kursus wajib iaitu kursus vokasional, kursus wajib umum, kursus teras umum dan kursus wajib elektif. Keseluruhan jam kredit akademik dan vokasional adalah 90 kredit mengikut *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) dan skim pengajian adalah sepenuh masa.

Program DTA menggunakan kurikulum baru iaitu Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang digubal berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) iaitu bagi sektor pengangkutan (transportation). SKPK merupakan dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seorang pekerja dalam bidang automotif serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut (JPK, 2016). Secara keseluruhan, pembentukan matlamat dan objektif program DTA adalah selari dengan visi dan matlamat pendidikan Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah disebar luas di semua peringkat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, BPTV, 2015).

2. Penyataan Masalah

Walaupun pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA di Kolej Vokasional telah dilaksanakan hampir empat tahun dan telah pun mengeluarkan graduan kumpulan kedua pada September 2017, namun sehingga kini pelaksanaannya masih belum dinilai dengan teliti. Walau bagaimanapun, laporan penilaian sendiri oleh Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional (BPTV), KPM terhadap pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE bagi keseluruhan program di seluruh KV di Malaysia menunjukkan pelaksanaannya masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Antara perkara-perkara kritikal yang disentuh dalam laporan itu ialah pensyarah masih kurang jelas berkenaan konsep pelaksanaan OBE, elemen Kemahiran Insaniah (KI) yang tidak diterapkan sepenuhnya dalam PdP, pensyarah kurang mempelbagaikan kaedah PdP serta pensyarah kurang mengamalkan pendekatan PdP yang

berpusatkan pelajar. Daripada segi pelaksanaan kaedah berpaksikan pelajar, Daripada segi pelaksanaan kaedah berpaksikan pelajar, Daripada segi pelaksanaan kaedah berpaksikan pelajar pula menunjukkan Jadual Spesifikasi Penilaian Berterusan (JSPB) juga masih belum disediakan secara menyeluruh. Di samping itu, kefahaman terhadap pembangunan dan penggunaan rubrik pensyarah berada di tahap yang sangat rendah.

Isu ini sebenarnya menjadi kebimbangan kepada pihak BPTV kerana pengiktirafan penuh MQA bergantung pada pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE. Justeru itu, program DTA perlu dinilai dengan lebih teliti bagi mengenal pasti sejauh manakah ia dilaksanakan serta kekangan yang dihadapi oleh pensyarah DTA dalam mengimplementasikan pendekatan OBE ini. Maklumat yang diperolehi ini boleh diguna pakai bagi menghasilkan cadangan CQI dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan kualiti dan mutu program DTA.

2.1 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA di Kolej Vokasional dengan menggunakan dimensi proses dalam model penilaian CIPP. Terdapat tiga strategi yang digunakan dalam dimensi proses seperti yang dicadangkan oleh Stufflebeam (2007) iaitu (i) menilai aktiviti program, (ii) mengesan elemen yang boleh merosakkan program yang dirasakan boleh menghalang pencapaian akhir program, dan (iii) mengekalkan rekod prosedur yang berlaku atau penambahbaikan.

3. Kajian Literatur


3.1 Model Penilaian Program

Terdapat pelbagai model penilaian yang boleh digunakan untuk menilai pelaksanaan OBE dalam program DTA seperti Model Ralph Tyler (Tyler, 1949), Model Discrepancy Provus (Provus, 1971), Model Goal-Free evaluation (Scriven, 1974), Model Stake (Stake, 1967), Model penilaian CIPP (1971) dan lain-lain model lagi. Namun, model penilaian CIPP lebih bersesuaian untuk CQI berbanding model-model penilaian yang lain. Hal ini kerana, model penilaian CIPP menyediakan maklumat yang boleh membantu pemegang taruh dalam membuat keputusan menambah baik sesuatu program. Manakala model-model penilaian seperti Model Tyler (1949) dan Model Discrepancy Provus (1971) di bawah pendekatan penilaian berorientasikan objektif tidak mendorong kepada penambahbaikan aspek proses pelaksanaan sesuatu program. Dalam pada itu, Model Stake (1967) dan Model Goal-Free evaluation (1974) yang merupakan pendekatan penilaian berorientasikan pelanggan dan pengguna hanya mengharap maklumat yang subjektif dan menolak penilaian berbentuk objektif (Gunasegaran, 2014).

Oleh kerana kajian penilaian ini hanya memberi tumpuan khusus kepada proses pelaksanaan, maka hanya dimensi proses yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Stufflebeam (1971), penilaian dalam dimensi proses adalah yang paling penting sekali kerana dalam dimensi ini penyelidik dapat mengesan kecacatan atau kelemahan dalam proses pelaksanaan sesuatu program. Maklumat ini perlu diketahui dari masa ke masa untuk mengawal dan mengurus pelaksanaan program serta untuk penambahbaikan program secara berterusan.

3.2 Kerangka Teori Penilaian

Dalam menilai pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA, model CIPP (1971) digunakan dengan andaian model ini iaitu Model CIPP ‘bukan untuk membuktikan tetapi untuk penambahbaikan’ (*not to prove but to improve*) adalah bersesuaian dan memenuhi tujuan kajian ini. Dalam pada itu, Model CIPP Stufflebeam (1971) menganggap penilaian sebagai pengumpulan maklumat sahaja dan membiarkan pengadilan (*judgements*) dan kenyataan mengenai nilai dibuat oleh pembuat keputusan (*decision-makers*). Oleh itu, Model CIPP Stufflebeam (1971) lebih sesuai digunakan kerana peranan penyelidik dalam kajian ini setakat menyediakan maklumat-maklumat kepada pembuat keputusan (penggubal kurikulum) iaitu Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (BPTV), KPM. Rajah 4.1 menunjukkan komponen model penilaian CIPP dan perkaitannya dengan penilaian program.




Rajah 1: Komponen Model Penilaian CIPP dan perkaitannya dengan penilaian program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007)

Tiga bulatan utama di mana bulatan di tengah-tengah menunjukkan pusat utama yang membawa nilai utama dan asas bagi sesuatu kurikulum atau program yang dinilai. Nilai merujuk kepada idea utama yang telah dikenal pasti oleh individu, kumpulan atau komuniti. Manakala bulatan yang mengelilingi nilai utama ini dibahagikan kepada empat faktor penilaian iaitu tujuan, perancangan, pelaksanaan dan hasil. Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA, maka kerangka teori penilaian ini hanya memberi tumpuan khusus kepada dimensi proses mengikut model penilaian CIPP.

3.3 Kerangka Konseptual Penilaian

Penilaian dalam dimensi proses ini dapat mengesan atau meramal kecacatan dalam reka bentuk prosedur atau dalam proses pelaksanaan. Pada peringkat ini juga, para penyelidik memainkan peranan untuk mengendalikan atau menyemak setiap proses yang telah dirancang supaya penilaian yang dijalankan dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci dan kaedah penyelesaian yang lebih berkesan dapat dijalankan. Terdapat tiga strategi dalam penilaian proses iaitu pertama menilai aktiviti program, kedua mengesan elemen yang boleh merosakkan program dan ketiga mengekalkan rekod prosedur yang berlaku atau penambahbaikan. Perkara ini dapat dijelaskan lagi dalam Rajah 2.



Rajah 2: Tiga strategi penilaian dalam dimensi proses

4. Metodologi Kajian

4.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan reka bentuk penilaian program deskriptif. Reka bentuk penilaian program deskriptif digunakan kerana ia bersesuaian dengan objektif kajian ini. Menurut Ghazali Darusalam, Othman Talib dan Normah Idris (2017), reka bentuk ini digunakan khas untuk menghuraikan program pendidikan yang sedang dilaksanakan yang mencukupi kehendak pelanggan atau pengguna, pelaksanaan program sebagaimana yang dirancang dan juga ketetapan antara kumpulan sasaran dengan manfaat daripada program sebagaimana yang dihasratkan. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif atau lebih dikenali sebagai *mixed-method* dengan menggunakan reka bentuk penjelasan (*explanatory design*) yang juga dikenali sebagai reka bentuk penjelasan berturutan (*explanatory sequential design*) (Creswell dan Clark, 2011). Dalam kajian ini, data kuantitatif dikutip melalui teknik soal selidik dan diperincikan

4.2 Populasi Kajian

Kajian ini melibatkan keseluruhan populasi pensyarah program DTA di KV Zon Perak iaitu 60 orang. Walau bagaimanapun, hanya 52 orang pensyarah yang menjawab soal selidik penilaian PdP. Manakala bagi temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian, seramai lima orang pensyarah DTA dipilih berdasarkan pensampelan sukarela untuk setiap KV di Zon Perak. Pensampelan sukarela dipilih adalah kerana kekangan penyelidik bagi mendapatkan sampel untuk temu bual dan pemerhatian. Hal ini kerana kebanyakan pensyarah DTA terlibat dengan pelbagai program yang menghalang penyelidik untuk memilih sampel kajian.

4.3 Prosedur dan Penganalisan Data

Data-data kajian ini dianalisis mengikut dua fasa. Dalam fasa pertama, data-data kajian dikumpul menggunakan soal selidik dan kemudiannya data-data kuantitatif tersebut dianalisis bagi mengenal pasti tahap pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE. Dalam fasa kedua, penyelidik menjalankan kajian kualitatif dengan merujuk kepada dapatan analisis kuantitatif bagi memperincikan dapatan analisis kuantitatif yang diperoleh supaya dapat mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pensyarah DTA dan cadangan penambahbaikan pada masa hadapan.

5. Dapatan Kajian

i) Menilai Aktiviti Program

Berdasarkan dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif, menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan perancangan, penyampaian dan pentaksiran pengajaran pensyarah berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA adalah berada pada tahap sederhana rendah di mana pelaksanaan tidak menyeluruh, namun terdapat kerjasama dan usaha ke arah pelaksanaannya. Hasil dapatan kajian ini mencadangkan kepada pembuat keputusan (pihak pelaksana) bahawa pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan dalam ketiga-tiga aspek iaitu perancangan, penyampaian dan pentaksiran pengajaran berdasarkan pendekatan OBE bagi program DTA.

ii) Mengesan elemen yang boleh menghalang pencapaian akhir program.

Hasil dapatan kajian diringkaskan berdasarkan sub-tema yang wujud hasil daripada temu bual dengan pensyarah seperti dalam Jadual 6.1.

Jadual 1: Taburan pola kekangan yang dihadapi oleh pensyarah DTA dalam melaksanakan PdP berdasarkan pendekatan OBE

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian				
		PA1	PA2	PA3	PA4	PA5
Kekangan KSKV	Perancangan kursus (CO) sukar difahami	X		X		
	Aktiviti pembelajaran kuliah (teori) dalam SLT terlalu panjang		X	X		
	Kandungan KSKV terlalu teoretikal			X		
Kekangan Pentaksiran	JSPB rumit		X			
	Pentaksiran amali secara individu mengambil masa yang lama					X
	Kurang memahami Jadual Spesifikasi Tugas (JST)		X			
Kekangan Pelajar	Penggunaan teori pelajar adalah lemah	X				
	Pelajar kurang berminat dengan aktiviti pembelajaran kuliah (teori)	X		X		
	Kemahiran komunikasi pelajar rendah					X
Kekangan Bahan Penilaian Pengajaran (WIM)	WIM tidak selaras dalam program DTA		X		X	X
	WIM tidak mengikut kehendak industri			X	X	

X = Dapatan tema dan sub tema kajian

iii) Mengekalkan rekod prosedur yang berlaku atau penambahbaikan.

Hasil dapatan kajian diringkaskan berdasarkan sub-tema yang wujud hasil daripada temu bual dengan kesemua pensyarah seperti dalam Jadual 6.2.

Jadual 2: Taburan pola cadangan penambahbaikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan pendekatan OBE

Tema	Sub Tema	Peserta Kajian				
		PA1	PA2	PA3	PA4	PA5
Cadangan untuk Pensyarah	Kursus pelaksanaan OBE dan dokumentasi MQA	X	X			X
	Kursus peningkatan kemahiran Latihan sangkutan industri (LSI)			X	X	
						X
Cadangan untuk Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)	Serankan semula masa pembelajaran pelajar (Student Learning Time, SLT)	X				
	Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) perlu mempunyai standard sendiri		X	X		
Cadangan untuk pelajar	Terjemah KSKV dalam bahasa Melayu					X
	Memberi taklimat kepada pelajar berkenaan dengan OBE	X		X		
Cadangan untuk bahan penulisan pengajaran (WIM)	Meningkatkan kemahiran insubiah (KI) pelajar		X			X
	Pendekatan pelajar dengan industri					X
Cadangan untuk bahan penulisan pengajaran (WIM)	Peredaran WIM				X	X
	Pembinaan WIM melibatkan pakar industri				X	

X = Dapatan tema dan sub tema kajian

6. Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan kajian yang telah diperoleh berdasarkan tiga strategi penilaian program yang digunakan dalam dimensi proses seperti yang dicadangkan oleh Stufflebeam (2007) iaitu (i) penilaian aktiviti program, (ii) mengesan elemen yang boleh menghalang pencapaian akhir program, dan (iii) cadangan penambahbaikan program.

i) Penilaian Pelaksanaan PdP berdasarkan Pendekatan OBE

Jika diteliti dapatan kajian ini, kesemua aspek dalam merancang penajajaran pengajaran seperti menyediakan Rancangan Pengajaran (RP), merancang aktiviti pembelajaran, merancang pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), penggunaan sumber pendidikan BBM dan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) masih dalam kategori sederhana tinggi. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pensyarah masih tidak merancang sepenuhnya penajajaran pengajaran berdasarkan *Course Learning Outcomes* (CLO) seperti yang dikehendaki dan dapatan ini juga menunjukkan pensyarah masih belum mematuhi standard asas (SA) Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA, 2010).

Begitu juga penyampaian pengajaran yang menunjukkan tahap pelaksanaan yang paling tinggi yang dilaksanakan oleh pensyarah adalah merumuskan dengan jelas isi pelajaran di akhir pengajaran melalui aktiviti atau tugasan pengukuhan yang merujuk kepada CLO. Dapatan ini juga sebenarnya diperkukuhkan lagi dengan hasil dapatan temu bual dan pemerhatian yang telah diperoleh. Dalam pelaksanaan pentaksiran pengajaran pula menunjukkan bahawa pensyarah mengamalkan penajajaran dan mengenal pasti aras kognitif untuk disesuaikan dengan CLO dalam pembinaan soalan kuiz.

ii) Kekangan dalam Pelaksanaan PdP berdasarkan Pendekatan OBE

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, terdapat empat kekangan yang dihadapi oleh pensyarah DTA dalam melaksanakan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA di Kolej Vokasional (KV) Zon Perak, iaitu:

a) Kekangan Kurikulum (KSKV)

Hasil dapatan kajian temu bual dengan pensyarah mengenai perancangan kursus menunjukkan mereka sukar memahami dengan jelas struktur yang terkandung dalam perancangan kursus. Hal ini adalah disebabkan kekerapan perubahan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan di samping teguran yang diterima daripada panel MQA terhadap Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Kekerapan perubahan terhadap KSKV ini akan menyebabkan struktur yang terkandung dalam perancangan kursus (*course outline*) turut berubah begitu juga CLO. Kesannya pensyarah akan menjadi keliru kerana terdapat pelbagai versi KSKV di terima sepanjang tahun.

b) Kekangan Pelajar

Hasil dapatan kajian temu bual menunjukkan penguasaan teori pelajar yang lemah adalah merupakan kekangan yang dihadapi oleh pensyarah semasa proses penyampaian pengajaran. Kebanyakan pelajar yang mendaftar masuk ke program DTA terdiri daripada latar belakang akademik yang sederhana di peringkat SVM. Pelajar yang diterima masuk di peringkat SVM pula terdiri daripada pelajar PT3 yang mempunyai pencapaian lebih rendah daripada syarat minimum iaitu F dalam Bahasa Melayu.

c) Kekangan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM)

Hasil dapatan kajian daripada temu bual dengan pensyarah DTA menunjukkan mereka juga menghadapi kekangan dari segi WIM yang tidak selaras dengan seluruh KV. Perkara ini diakui oleh pensyarah PA2 seperti berikut, “*sesetengah kursus, WIM terpaksa pensyarah yang create sendiri, bukan apa takut tak sama dengan KV lain, bagi saya tak selaras la kan*” (PA2/TB/4/192-193). Menurut beliau lagi, walaupun bahan penulisan pengajaran boleh dibuat sendiri oleh pensyarah, namun kandungannya masih boleh dipertikaikan lagi kerana tidak menepati CLO. Hal ini adalah kerana, kebanyakan pensyarah yang menghasilkan WIM tidak menjajarkannya dengan CLO, sebaliknya hanya bergantung kepada WIM lama dari institusi kemahiran lain yang menggunakan NOSS versi lama.

d) Kekangan Pentaksiran

Hasil dapatan kajian temu bual menunjukkan Jadual Spesifik Pentaksiran Berterusan (JSPB) adalah merupakan salah satu kekangan yang dihadapi oleh pensyarah untuk melaksanakan pentaksiran pengajaran. JSPB dikatakan sukar difahami adalah disebabkan pensyarah gagal memahami kaedah menentukan aras setiap domain dalam CLO. Perkara ini diakui oleh pensyarah PA2 seperti katanya, “*setiap domain tu pecah pula, macam kognitifkan ada C4, C3, C2, susah nak tentukan tu*” (PA2/TB/4/187). Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Abdullah et al. (2015) yang mendapati guru mengetahui aras setiap domain namun mereka masih tidak memahami perbezaan dan fungsi bagi setiap aras itu.

Selain daripada JSPB yang rumit dan sukar difahami, pensyarah juga menghadapi kekangan dengan pentaksiran amali yang dilaksanakan secara individu kerana mengambil masa yang lama. Hal ini adalah disebabkan oleh peralatan dan kemudahan untuk menjalankan amali secara individu yang tidak mencukupi. Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Yassin & Ismail (2009) yang mendapati salah satu kekangan yang dihadapi oleh guru vokasional dalam melaksanakan PdP dan pentaksiran dalam program MPAV adalah disebabkan ketidacukupan peralatan yang berada pada tahap sederhana.

iii) Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan PdP berasaskan OBE

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, terdapat empat cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pensyarah dalam melaksanakan PdP berdasarkan pendekatan OBE dalam program DTA di Kolej Vokasional (KV) Zon Perak, iaitu:

a) Cadangan untuk pensyarah

Hasil dapatan kajian mencadangkan bahawa pensyarah perlu diberi latihan atau kursus bagi peningkatan kemahiran pensyarah. Terdapat juga cadangan yang pernah diutarakan agar tenaga pengajar TVET perlu menguasai dan bersedia mengikuti peningkatan kemahiran diri bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Menurut Asnul Dahar Minghat et.al (2013), kejayaan institusi TVET sebenarnya banyak bergantung pada kualiti tenaga pengajarnya. Justeru itu, latihan bagi peningkatan kemahiran secara berterusan bagi tenaga pengajar TVET menjadi bertambah penting disebabkan perkembangan teknologi yang berlaku dengan pantas. Dengan latihan sedemikian, tenaga pengajar tersebut akan berkemampuan untuk melatih tenaga kerja yang menepati keperluan semasa dalam bidang teknikal.

b) Cadangan untuk Kurikulum (KSKV)

Hasil dapatan kajian mencadangkan supaya KSKV mempunyai standard yang tersendiri, tanpa bergantung pada NOSS dari JPK. Hal ini kerana, NOSS terlalu teoretikal dan kerap kali berubah, sehingga menyukarkan para pensyarah untuk merancang pengajaran dengan baik. Selain itu, kurikulum KSKV juga perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, bagi memudahkan kefahaman para pensyarah untuk merancang pengajaran serta menyediakan WIM yang sejajar dengan CLO.

c) Cadangan untuk pelajar

Hasil dapatan kajian mencadangkan supaya pelajar didedahkan dengan pengalaman industri untuk meningkatkan minat pelajar terhadap program DTA. Antara kaedah yang paling sesuai untuk mendedahkan pelajar dengan pengalaman industri adalah aktiviti lawatan industri. Hal ini dinyatakan oleh pensyarah PA2 seperti berikut, “*pelajar kena didedahkan dengan pusat servis...ia dapat membantu pelajar bukan sekadar kelas teori di kelas*” (PA2/TB/5/201-205). Menurutnya lagi, dalam lawatan industri ini pelajar akan didedahkan dengan dunia pekerjaan yang sebenar iaitu tentang industri automotif terutamanya berkaitan dengan pusat servis kenderaan. Pendedahan ini akan memberi ruang kepada pelajar untuk membentuk unsur-unsur penambahbaikan dalam aspek-aspek seperti disiplin diri, bekerja mengikut tatacara kerja yang sebenarnya, melaksanakan projek atau tugas dan sikap bekerja dalam kumpulan.

d) Cadangan untuk Bahan Pengajaran Bertulis (WIM)

Hasil dapatan kajian mencadangkan bahawa pembinaan WIM mestilah melibatkan pakar-pakar industri. Perkara ini dinyatakan oleh pensyarah PA4 seperti berikut, “*penting sebenarnya kita libatkan pakar dari industri untuk semak kita punya WIM*” (PA4/TB/9/405-407). Cadangan yang dikemukakan oleh Pensyarah PA4 ini adalah sesuai untuk memastikan agar graduan dilahirkan oleh sesebuah institusi pendidikan teknikal boleh bekerja dan berjaya dalam sesuatu kerjaya yang diceburinya, maka kurikulum pendidikannya serta bahan pengajarannya mestilah segar dan mengikut keperluan industri.

Selain itu, pensyarah PA4 juga mencadangkan WIM diselaraskan di seluruh KV di Malaysia. Hal ini adalah bertujuan bagi memastikan pensyarah dapat mendokumentasikan bahan pengajaran dan instrumen pentaksiran berdasarkan satu standard dalam fail kursus (*course file*) untuk semakan MQA. Penyelarasan WIM juga sebenarnya dapat memudahkan pensyarah untuk melaksanakan proses penyampaian pengajaran di kelas dan di bengkel, kerana pensyarah tidak perlu menyediakan WIM sendiri. Perkara ini juga diakui oleh peserta kajian PA5 seperti katanya, “*baru ni ada perbincangan untuk diselaraskan WIM, baguslah sebab tak payah susah-susah nak buat sendiri, senang nak mengajar*” (PA5/TB/10/497-499).

8.0 Kesimpulan

Maklumat daripada dapatan kajian dan cadangan penambahbaikan dalam bab ini dapat memberi idea kepada pembuat keputusan yang terdiri daripada pihak BPTV, panel penggubal kurikulum (KSKV), panel penggubal program DTA dan pihak pentadbir KV untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan kualiti dan mutu program DTA. Dapatan kajian ini juga adalah penting untuk dijadikan panduan kepada para pensyarah DTA bagi memastikan pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE dilaksanakan sepenuhnya di samping mematuhi kod amalan akreditasi program (COPPA). Selain itu, kajian ini turut menyumbang suatu kerangka baru untuk menilai pelaksanaan PdP berdasarkan pendekatan OBE di Kolej Vokasional ke arah menambah baik pelaksanaannya.

Rujukan

- Abdullah, A. H., Abidin, N. L. Z., & Ali, M. (2015). Analysis of students' errors in solving Higher Order Thinking Skills (HOTS) problems for the topic of fraction. *Asian Social Science*, 11(21), 133.
- Asnul Dahar, M., Ruhizan, M. Y., Kamalularifin, S., & Muhammad Khair, N. (2013). Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education* (ISQAE 2013), KSL Hotel & Resort, Johor Bahru, Johor, Malaysia.
- Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional (2007). *Pembangunan Kurikulum Teknikal dan Vokasional. Jabatan Pendidikan Teknikal: Bahagian Latihan dan Kemajuan Staf Jabatan Pendidikan Teknikal*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- BPTV (2015)a. Pengenalan Kolej Vokasional. Retrived Jun 12, 2017 from <http://bptv.moe.gov.my/index.php/info-kemasukan/bidang-vokasional>.
- BPTV (2015)b. *Panduan OBE Kolej Vokasional (Transformasi Strategi Peningkatan PdP)*. BPTV: Bahagian Kurikulum
- Creswell, J. W. dan Clark, V. L. P. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd ed.). New York, NY: Sage.
- Ghazali Darusslaman, Othman Talib & Normah Idris (2017). *Penilaian Program dalam Pendidikan & Sains Sosial: Universiti Putra Malaysia*.
- Gunasegaran (2014). *Penilaian pelaksanaan mata pelajaran vokasional - landskap dan nurseri (MPV-LN) di peringkat sekolah menengah di semenanjung Malaysia*. Tesis Ph.D (tidak diterbitkan),Universiti Malaya.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). (2016). *Daftar Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)*. Cyberjaya: Kementerian Sumber Manusia.
- Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA). Edisi pertama 2010. Agensi Kelayakan Malaysia, MQA
- Provus, M. (1971). *Discrepancy evaluation for educational program improvement and assessment*. Berkeley, CA: McCutchan Publishing Corporation.
- Scriven, M. (1974). Pros and cons about goal free evaluation. In W. J. Popham (Ed.), *Evaluation in education: Current applications* (pp. 34–67). McCutchan Publishing Corporation.
- Stake, R. E. (1967). *The Countenance of Educational Evaluation*. Teachers College Record, 68, 523-540
- Stufflebeam D. L. (2007). CIPP Evaluation Model Checklist. *A tool for applying the CIPP Model to assess long-term enterprises*, Second Edition. Dimuat turun daripada www.wmich.edu/sites/default/files/.../u350/.../cippchecklist_mar07.pdf pada 15 November 2016.
- Stufflebeam, D. L., & Shinkfield, A. J. (2007). Evaluation theory, models, & applications (Chapter 19). San Francisco, CA: Jossey-Bass
- Stufflebeam, D. L. (1971). The relevance of the CIPP evaluation model for educational accountability. *Journal of Research and Development in Education*, 5, 19-25.
- Tyler, R. W. (1949) *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: University of Chicago Press.
- Yassin, F., & Ismail, S. (2009). *Kekangan Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Negeri Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).